



LKM-L3

## PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

### SYARAT-SYARAT LESEN PENGISAR KOKO

1. Lesen ini khusus kepada pengusaha yang mengisar biji koko atau mengisar mana-mana keluaran separa siap kepada produk koko.
2. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan Sijil Lesen bersama Slip Pembaharuan Lesen di tempat yang mudah dilihat untuk diperiksa oleh Pegawai yang diberi kuasa.
3. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh tamat tempoh sah lesen.
4. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan-laporan urus niaga berikut yang lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak lewat 7 haribulan pada setiap bulan berikutnya:
  - 4.1 Belian Biji Koko Kering
  - 4.2 Stok Biji Koko Kering dan Keluaran Separasi Dalam Stor;
  - 4.3 Belian Keluaran Separasi termasuk import, pemindahan dan sebagainya;
  - 4.4 Jualan Keluaran Separasi termasuk eksport, pemindahan dan sebagainya;
  - 4.5 Inbois Keluaran Separasi;
  - 4.6 Kualiti Keluaran Separasi; dan
  - 4.7 Lain-lain laporan yang dikehendaki oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah membeli atau menjual biji koko kering dan keluaran separasi daripada sumber yang sah.
6. Pemegang lesen hendaklah mengisytiharkan sumber biji koko kering yang dibeli atau diimport kepada Lembaga.
7. Pemegang lesen hendaklah menghantar sampel biji koko kering dan keluaran separasi kepada Lembaga atas permintaan Lembaga.
8. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan senarai pengged dan ahli kimia yang berdaftar di bawah Akta Ahli Kimia 1975 [Akta 158] kepada Lembaga.
9. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papan tanda "**PENGISAR KOKO BERLESEN**" di tempat yang mudah dilihat di premis urus niaga.
10. Lain-lain syarat yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.